

*Antologi Puisi*  
**GEDUNG**  
ilmu  
**GADANG**



*Antologi Puisi*  
**GEDUNG**  
ilmu  
**GADANG**

Penyelenggara

*Mohammad Puad bin Bebit*

*Salmie Jemon*

*Intan Soliha Ibrahim*

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2020

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

---



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Antologi Puisi : GEDUNG ilmu GADANG / penyelenggara Mohammad Puad bin Bebit, Salmie Jemon, Intan Soliha Ibrahim ; Editor Ainun Jamil.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2962-49-6

1. Malay poetry.
2. Poetry.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

I. Mohammad Puad Bebit, Dr. II. Salmie Jemon.

III. Intan Soliha Ibrahim, Dr. IV. Ainun Jamil.

899.2313

Muka taip teks:

Accanthis ADF Std No2

Saiz taip teks dan *leading*:

11/14 poin

Reka letak kulit & halaman:

Rosalind Ganis

Pembaca pruf:

Alecia Angati

Editor:

Ainun Jamil

Diterbitkan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah.

# Kandungan

|  | Muka Surat |
|--|------------|
| ILMUWAN DAN MISI PENCERAHAN  | x          |
| PROLOG   | xii        |
| ROH GEDUNG ILMU  | xiii       |
| <i>Penyair Malaysia</i>  |            |
| <i>Abdullah bin Bade</i><br>DEMI KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA        | 1          |
| <i>Afendih Ambrih</i><br>SI KECIL YANG SAYU                        | 3          |
| <i>Afendih Ambrih</i><br>DIAKAH ITU? ATAU...                       | 5          |
| <i>Afendih Ambrih</i><br>NAK CARI ILMU...                          | 6          |
| <i>Along Minor</i><br>DI SINI MENDEBUNGA                           | 7          |
| <i>Arnah bt Arsah</i><br>UMS PERSADA SENI BUDAYA                   | 8          |
| <i>Azizah Mds</i><br>BELAJARLAH DARI HARUM KELOPAK BUNGA           | 9          |
| <i>Azizah Mds</i><br>KEBENARAN                                     | 10         |
| <i>Azizah Mds</i><br>BERSANDAR PADA ILMU TIDAK AKAN MISKINKAN KAMU | 11         |

|   |    |
|---|----|
| <i>Bayu Haji Yusoff</i><br><b>UNIVERSITI GEDUNG ILMU</b>                          | 12 |
| <i>Darmata Hj Matlan</i><br><b>KULARIK KISAHKU</b>                                | 13 |
| <i>Intan Soliha Ibrahim</i><br><b>KEMBARA 1 KE BUMI UMS</b>                       | 14 |
| <i>Intan Soliha Ibrahim</i><br><b>MUSAFIR KE BUMI “ANNYEONGHASEYO” (안녕하세요)</b>    | 15 |
| <i>Jakaria Dasan</i><br><b>ANEKDOT PERSEPSI</b>                                   | 16 |
| <i>Jakaria Dasan</i><br><b>LOCENG CITA</b>  | 17 |
| <i>Jakaria Dasan</i><br><b>RUMAH PUSAKA MEMBAKAR JUANG</b>                        | 18 |
| <i>Jalihah Mohd Shah</i><br><b>ANTARA KESOMBONGAN, SILATURAHIM DAN HARGA DIRI</b> | 19 |
| <i>Jamdin Buyong</i><br><b>GELANGGANG ILMU PENTAS BUANA (UMS)</b>                 | 20 |
| <i>Jelison Jupin</i><br><b>UMS (Kami Merinduimu)</b>                              | 22 |
| <i>Latip Lai</i><br><b>SEMPENA HARI PERISYTIHARAN FAKULTI</b>                     | 23 |
| <i>Mariani Abdullah</i><br><b>LAUTAN MUTIARA</b>                                  | 24 |



|  |    |
|--|----|
| <i>Masri Judah</i><br><b>ISTANA ILMU</b>                                   | 25 |
| <i>Marmoh Kasman</i><br><b>MEMBURU ILMU</b>                                | 26 |
| <i>Marsitah Mohd Radzi</i><br><b>GEDUNG AKAL BUDI</b>                      | 27 |
| <i>Mohammad Puad bin Bebit</i><br><b>GEDUNG DI GUNUNG GADANG</b>           | 28 |
| <i>Mohamad Saleeh Rahamad</i><br><b>SINGGAH DI TASIK KENANGAN</b>          | 30 |
| <i>Mohd Rosli Bakir</i><br><b>GEDUNG MARUAH</b>                            | 32 |
| <i>Muhamad Farijan bin Jaimee</i><br><b>DEDIKASI BUAT TUN DR MAHATHIR</b>  | 33 |
| <i>Mustaffa Hj Sirat</i><br><b>GAPURA ILMU SANGGAR CENDEKIAWAN</b>         | 35 |
| <i>Nurul Hidayah binti Sahudin</i><br><b>ILMU PENYULUH</b>                 | 37 |
| <i>Norawi Hj Kata</i><br><b>BENIH-BENIH ILMU TELAH TUMBUH DI HALAMANMU</b> | 39 |
| <i>Norazimah Abu Bakar</i><br><b>PESANAN MOYANG KITA</b>                   | 40 |
| <i>Ramlah binti Daud</i><br><b>TIK TOK WAKTU DAN ILMU</b>                  | 41 |

|   |    |
|---|----|
| <i>Rozeline Vitalis</i><br><b>UNIVERSITI MALAYSIA SABAH</b>                       | 42 |
| <i>Sainah Mustakim</i><br><b>AKU DAN DIA BERPISAH TIADA</b>                       | 43 |
| <i>Saini bin Kassim@Aini</i><br><b>MENARA HARAPAN</b>                             | 44 |
| <i>Salmie Jemon</i><br><b>MENEMU BENAR LABIRIN ILMU</b>                           | 46 |
| <i>Samsa Harriss</i><br><b>DI PUNCAK MENARA INI MELIHAT DIRI</b>                  | 47 |
| <i>Samsa Harriss</i><br><b>KHAZANAH ILMU</b>                                      | 49 |
| <i>Siti Zainon Ismail</i><br><b>DERU ANGIN BUKIT PADANG KE TELUK LIKAS SAYANG</b> | 50 |
| <i>Solihin Osman</i><br><b>MENARA DALAM PERSPEKTIF</b>                            | 53 |
| <i>Suzana Fadzil</i><br><b>LAGUN TINTA</b>  | 55 |
| <i>Tengku Fauzan Tengku Anuar (Ummu Maryam)</i><br><b>WASILAH CINTAMU</b>         | 56 |
| <i>Y.Atera</i><br><b>DUSTA</b>  | 57 |
| <i>Y.Atera</i><br><b>RINDU</b>  | 58 |



*Zallyshadan*  
**SAHABAT REMAJAKU YANG BERAMBUS KERITING** 59

*Fender Jack Anag*  
**REMAIN IN OUR HEART** 61

## *Penyair Indonesia*

*Achiar M Permana*  
**SEPERTI BASUKARNA** 63

*Achiar M Permana*  
**DI GAZEBO DARUL FALAH** 66

*Dedeh Supantini, dr., SpS.,M.Pd. Ked*  
**UNTUK MAHASISWAKU** 68

*Free Hearty*  
**SATU EPISODE KEHIDUPAN** 69

*Isbedy Stiawan ZS*  
**MENUJU KAMPUS SESUDAH LAMPU MERAH** 71

*Mintarsih Mimin*  
**KAMPUS HIJAU, SUMANTRI BROJONEGORO STREET** 72

*Moh. Ghufron Cholid*  
**PURNAMA TIMUR MADURA** 73

*Muthia Arahmah*  
**QALBU UNJA PINANG MASAK** 74

*Viddy Ad Dæry*  
**KAMPUS PERJUANGAN** 75

**EPILOG** 77

# Ilmuwan dan Misi Pencerahan

Tuhan menganugerahkan kita akal sebagai perlambangan bahawa kita adalah sebaik-baik kejadian di jagat raya ini. Dengan akal, Tuhan mengajarkan kita ilmu dan nama-nama sehingga sekalian malaikat diminta memberi penghormatan terhadap kejadian makhluk yang cukup hebat ini. Justeru, apakah dengan keilmuan yang kita miliki ini telah meletakkan kita khususnya ilmuwan alpa dan mula terpisah daripada memahami garis-garis besar haluan perjuangan seorang ilmuwan?

Sungguh, ilmuwan perlu melihat kembali (*revisit*) misi pencerahan yang diletakkan di atas bahunya. Setidak-tidaknya misi pencerahan ilmuwan yang ada di universiti yang kita sayangi ini. Persoalan paling dasar, wujudkah dampak ketersampaian ilmu sehingga kelak mampu merubah masyarakat bersilih dari gelapnya kebodohan kepada terangnya kebijaksanaan? Dan pada waktu yang sama, adakah ilmuwan masih mampu merasai datarnya bumi tatkala pujian ilmu melangit tinggi?

Sebagai ilmuwan kita perlu membuat introspeksi diri, menilai sama ada perjalanan spiritual keilmuan kita telah memasuki tahap yang mampu memberi impak kepada masyarakat bagi membangun jiwa mindanya yang sekian lama haus menunggu siraman jernih air keilmuan yang kita miliki.

Memang misi pencerahan itu adalah untuk mengungkap kebenaran. Dari kebenaran itulah berputik hikmah dan kebijaksanaan. Di tangan ilmuwanlah sewajarnya putik-putik hikmah itu bercambah merimbun dan menguntum mewarnai dunia dengan percikan pelangi kebijaksanaan.

Namun, sejauh 25 tahun telah kita lalui adakah kita sudah berjaya merungkai benih-benih hikmah itu dan disebarluaskan kepada mauduk misi pencerahan kita? Sudahnya, kita hanya terikat memberikan benih-benih pencerahan kepada kelompok kecil yang satu bidang dan sealiran benih ilmu yang kita ada melalui terbitan siri jurnal dan buku berimpak tinggi.

Di satu sudut, masyarakat di luar sana sedang bergelut untuk meneruskan hidup; sedang bergelut untuk mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian hidup pada zaman yang hampir serba-serbinya di

ujung jari. Masyarakat memerlukan ilmu yang praktikal, ringkas dan mudah bagi membantu mereka membina kehidupan.

Di satu sisi yang lain, kita dapat melihat juga wujud ilmuwan yang terkesima dengan gelaran yang hebat sehingga mencairkan misi pencerahan dalam dirinya. Kononnya, atis ilmu di luar sana telah memanggil dirinya dengan gelaran yang maha hebat, justeru tidak layak lagi universiti, rakan seilmuwan dan anak murid menggelar dan memanggilnya guru dan cikgu. Apakah yang sudah berlaku, sampai sebegitu lupa kita dengan misi pencerahan mendidik anak bangsa?

Memang benar, ornamen-ornamen berupa gelaran yang muluk begitu menggiurkan. Namun, adakah perjuangan misi pencerahan berlangsung untuk tujuan itu? Ilmu dan hikmah itu tercipta dari hati yang ikhlas dan suci, hasil dorongan semangat untuk melihat anak bangsa bangun berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat lain di dunia ini. Itizam dan semangat inilah yang akhirnya akan memandu dan menyedarkan kita bahawa nikmat ilmu yang kita miliki bukan milik mutlak kita. Ia perlu dikongsi dan disebarkan di dada-dada masyarakat nun jauh di bawah sana.

Akhirnya, apa pun sikap kita dalam memahami ruang lingkup misi pencerahan ilmuwan, sewajarnya kita perlu berjiwa besar meletakkan diri kita seumpama resmi padi, semakin berisi semakin tunduk. Kembalilah ke medan juang, turunlah ke lapangan dan dada masyarakat bagi mempersiapkan mereka pula dengan makna dan ilmu misi pencerahan demi generasi mendatang.

**PROFESOR MADYA DR ABDULLAH BADE**



# Prolog

Kekuatan manusia adalah berkata-kata. Cuma kadang-kadang manusia lebih memilih untuk berperang. Itu lebih kuat. Kesuntukan akal, kekontangan ilmu dan kemiskinan nurani menjadikan manusia lebih memilih merosakkan daripada memperbaiki. Mencipta baharu lebih diingini daripada mewarisi. Bersemuka hanya meruntun ego, dan dalam dunia masa kini keluhuran adab sekadar cicipan. Ia bermula kerana manusia memilih untuk tidak berbahasa.

Idea buku ini bermula dengan persoalan kepada ramai sahabat, di mana pengukur rasa kepunyaan (*sense of belonging*) kita kepada gedung ilmu ini? Di mana kata kita mengucap setia, menyurat kasih, menyalam syukur kepada keberadaan gedung ilmu di bumi bayu ini?

Setiap insan punya kata bahasa tersendiri. Maka, ruang ini kami peruntukkan untuk semua yang mahu sama-sama berkongsi rasa tentang makna ilmu. Tanpa kesantunan hati budi penyumbang, takkan upaya buku ini berkembang. Puisi-puisi anda adalah puspa harum yang mekar dari satu halaman ke halaman lain. Kepada pembaca yang sudi menyisa waktu membaca puisi-puisi ini, terima kasih setulusnya.

Atas tumpukan perca warna peristiwa dan segala sesuatu yang terbangun dalam luangan masa, moga ilmu menemukan kita dengan kebenaran dan punya keberanian mengungkap kebenaran dalam kata-kata.

**Mohammad Puad bin Bebit, PhD**

**Salmie Jemon**

**Intan Soliha Ibrahim, PhD**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah

# Roh Gedung Ilmu

Rumi pernah berkata “bila tak kunyatakan keindahan-Mu dalam kata, kusimpan kasih-Mu dalam dada.” Apa pun fitrah manusia sebenarnya akan kembali kepada pencipta-Nya. Menghargai kurnia akal dan sekelumit upaya dalam penulisan, penghasilan buku puisi ini bertujuan untuk menyetengahkan idea, bahasa kalbu dan curahan sanubari penyair tentang gedung ilmu. Himpunan puisi ini akan digunakan sebagai bahan pembacaan untuk mendidik dan memasyarakatkan ahli akademik, penuntut dan rakyat dalam mengembalikan roh atau semangat gedung ilmu. Merentas Nusantara, pemuisi dari Malaysia dan Indonesia telah berkongsi puisi-puisi yang terhasil lahir daripada latar belakang dan pengalaman penyair ketika menimba, ilmu sama ada dalam konteks tempatan atau luar negara serta menggunakan kepelbagaian perspektif, sama ada politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Umumnya, gedung ilmu di kaca mata setiap penyair adalah berbeza-beza yakni tidak mempunyai wajah yang sama dan runut lagunya mempunyai pelbagai rentak atau tempo. Tidak selalu menonjolkan keghairahan dan kecintaan dalam menuntut ilmu, sebaliknya kesedihan, kekeliruan, kecelaruan dan roh gedung ilmu yang semakin hambar dan menghilang ditelan zaman yang kian dirasai. Roh yang semakin menghilang telah dicemari oleh pelbagai faktor seperti yang dinukilkan oleh jiwa penyair.

Jika dahulu, perkataan gedung ilmu atau universiti dan atau menara gading mempunyai makna di sebalik tiap harakat itu. Ia melambangkan kemasyhuran, kemuliaan dan ketinggian ilmu seperti yang diceritakan dalam kisah cendekiawan Tun Seri Lanang; ketinggian darjat adikarya karya *Sulalatus Salatin*; ketajaman penulisan Hamzah Fansuri; serta pemikiran mendahului zaman Munshi Abdullah. Jika ditelusuri sejarah peradaban manusia, ahli falsafah ternama seperti Al-Ghazali, Aristotle, Plato, Confucius, Socrates, David Hume dan Karl Marx berperanan dalam memperkasa serta mengagungkan ilmu sehingga membawa kepada pemodenan manusia sejagat. Begitu hebat dan gahnya gedung ilmu dalam mengangkat dan memartabatkan setiap disiplin ilmu.


Gedung ilmu adalah perlambangan ketinggian dan maha berat ilmu yang diangkat dan dipelajari. Maka, sambutan untuk meraikan mereka yang bakal menuntut ilmu itu sering kali diikuti oleh majlis keraian atau doa selamat oleh seisi keluarga dan seluruh pelosok kampung. Sambutannya boleh jadi 40 hari 40 malam! Masih terngiang-ngiang kemeriahan majlis keraian Abang Ngah yang bakal melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di Kanada dan kemudiannya, pengajian Doktor Falsafah di Holland serta kemeriahan menghantar Kak Nor dan Kak Ma ke lapangan terbang yang bakal melanjutkan pengajian Program Ijazah Sarjana Muda ke Cairo. Acara-acara tersebut diadakan bagi meraikan ketinggian ilmu yang bakal dipelajari.

Hari demi hari, tahun berganti tahun, zaman silih berganti. Acara meraikan ketinggian ilmu semakin dilupakan. Memadai dengan ucapan menerusi aplikasi Telegram, Whatsapp, di muka buku (Facebook), pesanan ulang kicau (Twitter) dan Instagram. Tiada lagi majlis rewang untuk kenduri-kendara, sebaliknya majlis makan tertutup di hotel berkelas dan berbintang. Budaya mengunjungi dan menziarahi mereka yang bakal berkelana mencari ilmu ke gedung ilmu semakin dilupakan. Roh gedung ilmu yang suatu masa dahulu boleh dikatakan sebagai keramat kini semakin malap.

Sebenarnya, gedung ilmu bukan tempat melagakan perbezaan fahaman politik atau ideologi dalam kalangan ahli akademik, bukan kilang pengeluar insan robotik atau tempat melahirkan insan yang bertakabur. Sebaliknya, gedung ilmu adalah sulur galur yang meletakkan martabat keilmuan di tingkat yang sangat istimewa dalam bidang akademik.

Justeru, kami mengharapkan himpunan puisi ini boleh mengembalikan dan menyemarak semula roh gedung ilmu, memupuk kesepaduan dalam kalangan ahli akademik untuk saling menghormati antara satu sama lain, dan meraikan keragaman nilai antara akademia dan pelajar. Bahasa-bahasa puisi yang dipilih dan diguna oleh penyair hadir dalam bentuk yang boleh jadi amat gharib ditajali minda. Bait-bait perkataannya merupakan simbol perjuangan dalam menuntut dan memperkasa ilmu serta merupakan sebuah senjata yang tidak boleh mematikan, sebaliknya menyedarkan, menyemarakkan dan menghidupkan kembali





“roh” gedung ilmu. Malah, bait-bait perkataannya boleh menjadi teman untuk menghapuskan elegi sepi yang menyelubungi kehidupan.

Diharapkan para pembaca mengambil iktibar dalam setiap perkataan yang disuarakan oleh para penyair supaya kita menjadi sebuah bangsa yang menjulang dan mendaulatkan ilmu. Akhir kata, jutaan terima kasih dirakamkan kepada penyair yang telah memberikan sumbangan puisi dan sokongan bagi menjayakan penerbitan buku ini.



# Penyair Malaysia

*Demi Kerana Tuhan untuk Manusia*

*Abdullah bin Bade*

Ilmu

Rupa dan wajahmu indah  
Disulami perhiasan hikmah yang agung  
Cahayamu menembusi cakerawala  
Menerobos segala gelapnya gelita.

Ilmu

Nuranimu suci nan bersih  
Fizikalmu harum nan semerbak  
Menguntum bunga-bunga makna dan hikmah  
Menyubur kasih dan adab insan.

Ilmu

Datangmu bersama tanggungjawab  
Batang tubuhmu adalah cahaya gemerlapan  
Membebaskan sekalian belenggu kerendahan  
Mencetus rasa menjulang penghormatan.

Ilmu

Hatimu halus dan mulus  
Membenih cahaya berupa makna  
Mencanai keimanan sumber pedoman  
Menyuluh jambatan nusa harapan.

Ilmu

Kata-katamu ibarat butiran mutiara putih yang indah  
Dihimpun dengan gulungan takwa dan iman



Membentuk citra dan obor perjuangan  
Demi kerana Tuhan untuk manusia  
ilmu  
Hidupmu akan punah dan musnah  
Segala ketinggian dan keagunganmu akan hancur binasa.

Dek kerana rohmu dipegang lembaga gelap yang fasik  
Lembaga yang lupa diri dan tujuan  
Lembaga yang sombong dan angkuh  
Lembaga yang hidupnya bertuhankan keculasan dan kedengkian  
Lembaga yang penuh dengan tipu daya, pujuk rayu dan muslihat.

Wahai sekalian ilmuwan  
Berwaspadalah  
Masih ada waktu sebelum terlambat  
Berjalanlah di dada umat dengan azimat kesabaran dan keikhlasan  
Buangkanlah segala pesona kesombongan, keculasan dan kedengkian  
Humbankanlah segala perhiasan gelar muluk yang menipu  
Berjalanlah dengan wajah pejuang hikmah yang tulus dan benar  
Tanpa rasa takut dan bosan  
Sebelum tiba waktu yang ditentukan  
Sebelum syurga berlalu pergi.

Wahai sekalian ilmuwan  
Diberikan kamu sekelumit ilmu  
Gunakanlah untuk membimbing dan mencerah umat  
Diberikan kamu ruang dan kesempatan  
Berkhidmatlah untuk nusa bangsa  
Perbaikilah pintu akal budimu  
Guna menyimpan iman, ilmu dan takwa.

**ABB, Teratak Hikmah di Lok Batik**

## *Nak Cari Ilmu...*

*Afendih Ambrih*


Nak cari ilmu hati harus kental macam askar  
Tak mudah sentap  
Hati kena tetap.

Nak cari ilmu jangan main-main  
Gedung ilmu bukan taman permainan.

Nak cari ilmu niat kena utama  
Jangan melencong jangan terpesong  
Nak kejar dunia, nak cari akhirat  
Atau kedua-duanya?  
Kau fikir mudah menggendong harapan ibu ayah?  
Silap aturanmu syurga neraka jadi pertaruhan.

Nak berilmu kena jaga adab jangan sampai biadab  
Guru mendidik engkau terdidik  
Hati mereka jangan kau jentik  
Menghina mencela harus kau hindar  
Bimbang nanti hatimu mati  
Gagal jahil menjadi alim  
Lalu alam pun tidak engkau kenal  
Hanya menunggu laknat Tuhanmu.

**Beaufort, Sabah  
2019**



# Penyair Indonesia

## *Seperti Basukarna*

*Achiar M Permana*

dan seperti Basukarna,  
aku bocah yang menganyam mimpi,  
menjadi ksatria pilihan dewa.

Setiap pagi putra kusir kereta itu,  
mengintip para murid sokalima,  
mencerap ilmu dari sang drona,  
dengan tatapan penuh cemburu.

Karna si anak sais,  
ingin menjadi pemanah titis,  
pembidik yang tepat persis,  
setiap kali anak panah melesat,  
yang tak kenal kata meleset.

Di matanya, busur di tangan arjuna,  
begitu mengundang,  
gendewa di tangan janaka,  
bersinar terang.

“Ayah, antarkan aku pada maharsi drona,  
aku ingin menjadi muridnya,” kata karna,  
pada sang adirata.



Maka, kusir istana itu pun ke sokalima,  
uluk salam berdatang sembah,  
mengoja diri lancang tak apalah,  
maharsi, pintanya, didiklah putra hamba,  
sebagai ksatria.

Sesungguhnya, drona yang waskita,  
bisa melihat di wajah karna yang ugahari,  
mencorong cerlang cahaya matahari,  
--apa daya sumpah dia cuma,  
menjadi guru para ksatria barata.

“Bukan aku menolak anakmu, adirata, aku terikat janji,  
hanya mengajar putra kunti, madrim, dan gandari”.


Maka, cita karna pun layu,  
sebelum tumbuh kecambah,  
azamnya berhenti pada semu,  
menjadi nyata tiada pernah.  
dan seperti Basukarna,  
aku bocah yang menganyam mimpi,  
menjadi ksatria pilihan dewa.  
O, aku ingin menjadi ilmuwan,  
o, aku ingin menjadi cendekiawan,  
o, aku ingin menjadi seniman.

Syukurlah, pawiyatan ini bukan sokalima,  
yang gerbangnya hanya terbuka,  
untuk ksatria barata,  
dan terkunci rapat untuk si jelata,  
semacam saiz kereta.

Untunglah, universitas ini bukan sokalima,  
yang menapis siswa bersandar nasab,  
setakar darah berasas zuriah,  
menyaring mengatur nasib.

Di sini, siapa saja,  
bisa mendaras,  
untuk siapa saja,  
tempayan ilmu,  
mengalir,  
deras.

**Semarang**  
**4 Agustus 2019**



## Untuk Mahasiswaku

Dedeh Supantini, dr., SpS.,M.Pd. Ked

Mari,  
kita pindai semua peta jalan ke masa depan,  
yang terkandung di universitas, gedung ilmu kita,  
sampai kita tertidur di antara buku-buku,  
sampai semua ilmu terserap di tanganmu.

Mari,  
kita buka ilmu dengan segala kunci piker dan akal budi,  
sampai makan terlupa, sampai sore berhujan tiba,  
sampai semua peta jalan terekam memori.

Esok kau akan diam-diam bersyukur  
manakala kau temui jalan berpilin dalam labirin,  
dan kunci tanganmu:  
Kita adalah pembuka jalan, pintu *exit* terdekat.

**Fakultas Kedokteran**

**Universitas Kristen Maranatha, Bandung, Indonesia**

